

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada kelewatan dalam pembinaan infra untuk RTS Johor-Singapura disebabkan oleh isu kewangan dan keupayaan yang dialami oleh kontraktor-kontraktor dan adakah benar bahawa projek ini akan diambil alih oleh syarikat yang dikuasai oleh Tan Sri Lim Kang Hoo.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Selepas perjanjian dua hala ditandatangani pada Julai 2020, Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd (MRTS), anak syarikat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat infrastruktur Malaysia (InfraCo) Projek RTS Link.

Sepanjang tempoh 2020 sehingga 2021 telah digunakan untuk menyiapkan kerja-kerja rekabentuk (*detailed design*) infrastruktur rel RTS Link.

Pada bulan Julai sehingga September 2021, MRTS telah mengeluarkan *design drawings* kepada Adil Permata Sdn Bhd (APSB), kontraktor utama yang telah dilantik.

Susulan daripada itu, APSB telahpun memaklumkan akan keperluan untuk meneliti semula harga kontrak infrastruktur rel disebabkan kenaikan harga bahan binaan, peningkatan kos logistik, serta kekangan tenaga buruh akibat pandemik COVID-19.

Setakat 30 Jun 2022, projek RTS Link telah mencapai kemajuan yang memuaskan iaitu 17% bagi infrastruktur rel. Kementerian Pengangkutan berpuas hati dengan status terkini projek berkenaan walaupun mengharungi sedikit cabaran, namun percaya akan dapat diatasi dengan baik. Projek ini dijangka dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu menjelang tahun 2026.

Pada masa yang sama, seperti yang diumumkan oleh Ekovest Berhad kepada Bursa Malaysia baru-baru ini, syarikat tersebut telahpun dilantik sebagai rakan kongsi kolaboratif kepada APSB. Pelantikan syarikat Adil Permata Sdn Bhd (APSB) selaku kontraktor utama masih kekal.

Sekian, terima kasih.